

USIM, Pengasih jalin kerjasama tangani masalah dadah

SEREMBAN 29 April - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjalinkan kerjasama antara Persatuan Pengasih Malaysia (Pengasih) dalam usaha menambah baik mutu keberkesanan program pemulihan bersepadu kepada komuniti Pengasih baru-baru ini.

Kerjasama yang dimeterai melalui memorandum persefahaman (MoU) itu dijalankan antara Pusat Penyelidikan Dalam Penyalahgunaan Dadah Asia (ACREDA) di bawah Pusat Kecemerlangan USIM bersama Pengasih.

Inisiatif tersebut diyakini berupaya menyumbang ke arah penambahbaikan dan pembaharuan dalam bidang berkaitan khususnya penyalahgunaan dadah.

Melalui usahasama tersebut, USIM akan menawarkan latihan dan pendidikan pencegahan bagi menyedia serta memberi perkhidmatan dalam bentuk sokongan kepada komuniti Pengasih.

Di samping itu, ACREDA USIM akan menjalankan penyelidikan Pengasih bagi menerokai program pemulihan dan rawatan dadah yang boleh diguna pakai ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan Pengasih.

Pada masa yang sama, kerjasama itu turut membuka peluang ke arah mempelbagaikan penganjuran program seperti rawatan dan pemulihan melalui seminar, kempen media dan program kero-

hanian.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail berkata, tanggungjawab membanteras penyalahgunaan dadah itu wajar dipikul bersama secara menyeluruh oleh anggota masyarakat.

"Penubuhan ACREDA USIM ini memainkan peranan sebagai pusat rujukan dalam usaha mengurangkan bahkan menghapuskan masalah penyalahgunaan dadah,

"Saya berharap kerjasama antara pihak Pengasih ini akan berupaya menggembelng tenaga dan daya usaha untuk menangani masalah yang kian meruncing ini," katanya ketika ditemui selepas majlis menandatangani MoU

berkenaan baru-baru ini.

Yang turut hadir, Yang Dipertua Pengasih, Datuk Mohd. Yunus Pathi dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) USIM, Prof. Datuk Dr. Mustafa Mohd. Hanifah.

Sementara itu Mohd. Yunus memberitahu, hampir 6,000 penagih dadah telah dirawat pulih oleh Pengasih termasuk warga asing.

"Usaha berpadu semua pihak seperti pakar perubatan, agensi penguatkuasaan, ahli akademik dan seluruh masyarakat amnya amat diperlukan dalam memerangi musuh nombor satu negara iaitu penyalahgunaan dadah," katanya.



ASMA ISMAIL